

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

KAJIAN AWAL PENGAMALAN TEKNIK SERTA PERMASALAHAN YANG
DIHADAPI OLEH PELAJAR KLARINET

CADANGAN KAJIAN BAGI MEMENUHI SYARAT BAGI
IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN SENI MUZIK (KEPUJIAN)

FAKULTI PENDIDIKAN

DISEDIAKAN OLEH
JULIANA ANAK KUBU

2000208501

SHAH ALAM

SESI JUN 2000

PENGHARGAAN

Dengan kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syukur hadrat Tuhan kerana dengan limpah kurnia dan izinNya kepada saya selama ini, dapatlah saya menyiapkan tesis yang paling berharga dalam hidup ini. Penghargaan yang tidak terhingga ini, juga ditujukan kepada penasihat saya kerana pertolongan dan tunjuk ajar yang diberikan kepada saya dalam menyiapkan kajian ini. Segala penat lelah beliau tidak akan saya lupa hingga ke akhir hayat saya.

Di atas kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah saya iaitu Encik Bohari Sahlan (LRSM) di atas segala tunjuk ajar dan pertolongan yang amat penting kepada saya selama menyiapkan kajian ini. Segala tunjuk ajar yang tidak terhingga dari beliau amat saya sanjungi.

Buat kedua ibu bapa yang tersayang terima kasih di atas segala sokongan, doa restu dan perhatian yang diberikan kepada saya selama ini. Tidak lupa juga buat abang yang tersayang Alponsus John, adik-adik yang tercinta James, Timothy Jackson dan Jeffrey, jutaan terima kasih buat kalian.

Di atas kesempatan ini juga saya ingin membuat ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan pelajar di Fakulti Pendidikan, Jabatan Pendidikan Seni Muzik dan tidak lupa juga buat rakan di Fakulti Seni Persembahan yang sudi untuk ditemuramah. Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada para pensyarah yang telah memberi kerjasama kepada saya dan sudi meluangkan masa serta memberi pandangan yang bernas kepada saya.

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji pengamalan serta permasalahan yang dihadapi oleh pelajar klarinet. Kajian ini telah melibatkan seramai 4 orang pelajar dari Fakulti Seni Persembahan dan dua orang lagi ialah dari Fakulti Pendidikan yang mengambil program Sarjana Muda Pendidikan Seni Muzik di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam Selangor. Pelajar-pelajar yang dipilih hanya terdiri dari mereka yang mengambil major klarinet dan juga ahli orkestra sahaja.

Kaedah kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti beberapa masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar klarinet. Terdapat dua jenis kaedah yang digunakan dalam kajian ini, antaranya ialah kaedah sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer lebih menumpukan kepada temubual yang dilakukan kepada responden, manakala sumber sekunder lebih menjurus kepada pencarian maklumat melalui artikel, jurnal dan juga bahan dari pangkalan data iaitu Internet.

Dari hasil kajian ini dapat dilihat di mana pelajar menghadapi masalah iaitu asas-asas dalam bermain klarinet, penghasilan ton, intonasi yang baik, sistem latihan yang efektif, sistem pernafasan yang betul, dan sistem *tonguing* yang betul. Selain itu, sintesis maklumat dapat juga didapati untuk membuat persamaan dan perbezaan kajian. Di samping itu, pada bab akhir penulis telah membuat kesimpulan dan saranan serta cadangan kepada kajian.

ISI KANDUNGAN

Bab 1 PENGENALAN

LatarBelakang	1
Tujuan Kajian	5
Kaedah Kajian.	5
Organisasi kajian.8
Skop kajian.	9

Bab 2 HURAIAN LITERATUR 10

Bab 3 HASIL SOAL SELIDIK23

Bab 4 SINTESIS MAKLUMAT 38

Bab 5 KESIMPULAN, SARANAN, CADANGAN

Kesimpulan.	42
Saranan	45
Cadangan.46

LAMPIRAN 48

BIBLIOGRAFI. 64

BAB 1

Pengenalan

Ah.....bosannya sudah beberapa kali mencuba pun tidak dapat. Apa yang patut saya buat, setiap kali mesti bunyi squeaks ini yang keluar. Adakah saya dapat mengatasi masalah ini?

Latarbelakang

Keluhan ini dapat didengar dari pelajar yang baru mempelajari alat klarinet. Perkara ini sering kali berlaku akibat penggunaan *embouchure* dan penggunaan sistem pernafasan yang salah. Selain itu, ia adalah kesan daripada pelajar yang kurang membuat latihan.

Seperti yang kita sedia maklum alat muzik klarinet ini adalah sejenis alat muzik yang bunyinya dihasilkan melalui tiupan. Klarinet adalah sejenis alat muzik dalam keluarga alat tiupan kayu (*Woodwind Family*). Ia juga tergolong di dalam kategori alat *reed* iaitu sejenis buluh bagi menghasilkan bunyi dari alat muzik ini.